

08/02/2003

e-Syariah tingkat kecekapan mahkamah

PUTRAJAYA: Pelaksanaan e-Syariah dapat menangani pelbagai masalah membabitkan pentadbiran mahkamah syariah termasuk memastikan keadilan yang dituntut Islam terlaksana, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang merujuk kepada banyak laporan berhubung akhbar yang membabitkan kes tertanggung, berkata masalah seperti itu menyebabkan pengadilan tidak dapat dilaksanakan dengan adil.

"Banyak kita baca dalam surat khabar seperti kes yang berlarutan sehingga tujuh tahun tidak selesai. Kita tahu jika ia dilewatkan, pengadilan tidak dapat dibuat dengan baik kerana ada saksi yang sudah lupa dan ada yang sudah mati.

"Itu menjadi masalah. Dengan cara ini (e-Syariah), kita dapat mempercepatkan proses," katanya selepas Majlis Pelancaran e-Syariah di Hotel Marriot Putrajaya di sini, semalam.

Projek e-Syariah membabitkan Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bertujuan melaksanakan sistem komputer dan rangkaian elektronik membabitkan Mahkamah Syariah.

Dilaksanakan sebagai sebahagian projek Kerajaan Elektronik, e-Syariah diharap dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perundangan di Mahkamah Syariah.

e-Syariah juga menyediakan kemudahan untuk membuat semakan semasa pendaftaran bertujuan mengelakkan kes yang bertindih antar negeri. Pengiraan faraid juga boleh dibuat secara berkomputer dengan mudah dan cepat.

Dr Mahathir yang ditanya sama ada pelaksanaan e-Syariah dapat menangani semua masalah berikutan perbezaan undang-undang syariah antara negeri, berkata hal berkaitan agama adalah di bawah pentadbiran negeri dan tanggungjawab sultan.

Mengulas sama ada semua negeri sudah mewartakan Undang-undang Keluarga Islam, Perdana Menteri berkata: "Saya tak tahu sama semua negeri sudah gazet atau tidak kerana dia kena gazet dulu baru boleh seragam."

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia berjaya mempraktikkan ajaran Islam dengan tersusun dan tertib sesuai dengan keadaan zaman selain berjaya mengadakan perbankan Islam, takaful dan pentadbiran yang memiliki nilai Islam.

Katanya, undang-undang awam juga dikaji dan diubah suai supaya tidak bercanggah dengan ajaran Islam, terutama daripada segi menentukan keadilan.

"Demikianlah berjayanya penerapan Islam sebagai cara hidup kita di Malaysia sehingga banyak negara Islam lain mendakwa Malaysia adalah negara Islam contoh dan mereka sering menghantar rombongan untuk mempelajari cara kita," katanya.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, kaum lain tidak tersinggung atau berasa tertekan kerana penerapan nilai dan ajaran Islam yang dilakukan.

"Ini adalah kerana kita tidak mengada-ngada (keterlaluan) sehingga hendak diislamkan segalanya yang tidak mungkin diislamkan.

"Ada yang percaya bahawa warna tertentu lebih Islam daripada warna lain, pakaian tertentu adalah Islam dan seterusnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kita anggap bahawa Islam adalah agama bagi semua masa dan zaman dan tidak bagi abad ketujuh, 1,400 tahun dulu saja.

"Mencuba mengembalikan keadaan 1,400 tahun dahulu untuk mengembalikan

kebesaran Islam sebenarnya menghina agama sebagai agama yang hanya mampu berjaya di zaman kuno.

"Kita perlu buktikan bahawa dalam apa juga zaman, keadaan dan persekitaran, Islam tetap sama dan berkemampuan untuk menjadi agama yang sesuai yang mampu mendirikan tamadun yang gemilang," katanya.

Katanya, pelaksanaan hukum Islam tidak bergantung kepada tafsiran bersendirian hakim akan kekendak Islam dan hukum yang diwajibkan.

"Kita pernah melihat hakim di negara Islam lain yang menghukum wanita yang dipercayai telah berzina dengan hukuman supaya dia dirogol beberapa lelaki. Kita juga pernah mendengar orang Islam yang membunuh sendiri adik perempuan kerana berkawan lelaki bukan Islam," katanya.